



**DANA BERKAITAN-PELABURAN HLA**  
**Laporan Prestasi Dana**  
bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2016



# Kandungan

	<b>Halaman</b>
Utusan Ketua Pegawai Eksekutif	2 - 3
Objektif Dana	4 - 6
Ulasan Pelaburan	7 - 9
Tinjauan Pelaburan	10 - 11
Prestasi Dana Sebanding	12 - 51
Butiran Pelaburan	52 - 70
Penyata Pengarah	71
Laporan Juruaudit Bebas	72 - 74
Penyata Aset dan Liabiliti	75 - 83
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	84 - 92
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	93 - 101
Nota-nota Informasi Kewangan	102 - 105

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Kepada semua pemegang polisi yang dihargai:

Kami dengan sukacitanya membentangkan kepada anda laporan prestasi Dana Berkaitan Pelaburan HLA bagi tempoh berakhir pada 30 Jun 2016. Tahun kewangan ini sesungguhnya amat mencabar berikutan kedua-dua pasaran global dan tempatan yang tidak menentu. Walau bagaimanapun, di HLA kami melihat adanya peluang semasa tempoh mencabar ini dan menganggap sebarang kelemahan dalam pasaran sebagai sementara serta memberi kesempatan demi membina portfolio untuk tempoh jangka yang lebih panjang.

Indeks FBMKLCI memulakan tempoh di bawah semakan pada paras yang tinggi, mencecah setinggi 1,744 mata pada bulan Ogos sebelum jatuh merudum berikutan harga minyak menjunam dan kebimbangan politik dalam negeri. Pembetulan mendadak pasaran ekuiti China dan penyusutan nilai Yuan yang tidak dijangka juga menyebabkan pasaran ekuiti global turut mengalami pembetulan mendadak yang membawa kepada penghindaran risiko global luaran.

Pada masa yang sama, mata wang di rantau ini mengalami perubahan yang besar berbanding dolar US kerana menjangka kadar Rizab Persekutuan akan naik manakala nilai Yuan China akan terus menurun. Walau bagaimanapun, disebabkan isu-isu tempatan, Ringgit mengalami kemerosotan yang lebih ketara, menyusut nilai sebanyak 6.9% semasa tempoh di bawah semakan. Akibatnya, berlaku aliran keluar dana asing pada anggaran RM10.8bn manakala rizab asing merosot kepada USD97.2bn pada 30 Jun 2016 berbanding USD105.5bn pada awal tempoh di bawah semakan. Oleh itu, semasa tempoh di bawah semakan, FBMKLCI ditutup pada 1,654 mata, turun sebanyak 3.1%.

Bagi tempoh di bawah semakan, pasaran pendapatan tetap berhadapan dengan cabaran yang timbul daripada dasar kewangan yang berbeza, angka data makroekonomi yang bercanggah, dan peningkatan risiko geopolitik. Penyusutan nilai Ringgit yang menjejaskan pasaran ekuiti turut memberi kesan terhadap pasaran pendapatan tetap seiring dengan tindakan pelabur yang mengambil pendirian menghindari risiko. Walau bagaimanapun, pada akhir tempoh di bawah semakan, dengan tanggapan Ringgit telah berada di bawah nilai dan penstabilan harga minyak, kedua-dua kertas hutang kerajaan dan swasta menyaksikan peningkatan permintaan dan mengalami pemulihan yang baik.

Melangkah ke hadapan, kami menjangkakan pasaran kewangan global dan tempatan kekal tidak menentu akibat pertumbuhan global yang perlahan manakala dasar kewangan yang akomodatif mungkin hilang keberkesanannya. Walau bagaimanapun, kami tetap positif pada Malaysia di mana pertumbuhan KDNK bagi 2016 dijangka kukuh pada kadar 4.0-4.5%. Penurunan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") kepada 3.0% oleh Bank Negara Malaysia baru-baru ini adalah langkah pencegahan awal yang baik oleh Gabenor baharu untuk menghadkan risiko penurunan yang mungkin terhasil daripada kesan Brexit ke atas ekonomi Malaysia.

Sementara itu, ketika kita terus bersama-sama membina perkongsian yang lebih kukuh, kami menyedari sepenuhnya bahawa sokongan dan kepercayaan berterusan anda kepada kami adalah asas kepada kejayaan kami. Kami amat berbesar hati menjadi syarikat insurans yang pertama di Malaysia dinamakan sebagai Penginsurans Hayat Domestik Terbaik (Domestic Life Insurer of the Year) oleh Perbankan dan Kewangan Asia (Asian Banking and Finance) di majlis Anugerah Asia Insurans 2016 (Insurance Asia Awards 2016) yang julung kali diadakan. Anugerah ini meneguhkan komitmen kami dan mengiktiraf kedudukan kami sebagai syarikat insurans hayat tempatan teratas di Malaysia yang menawarkan penyelesaian kewangan yang inovatif untuk memenuhi pelbagai keperluan pasaran.



## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Sekali lagi, terima kasih atas sokongan berterusan dan keyakinan anda kepada kami. Anda adalah nadi kami dan kami kekal komited untuk menghasilkan inovasi produk yang berterusan serta memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada anda. Oleh itu, kami berharap maklumat yang dikemukakan di sini akan berguna dan dapat membantu anda untuk membuat keputusan yang bijak dalam mencapai matlamat pelaburan anda. Semoga kita akan menjalani satu lagi tahun yang cemerlang pada masa hadapan.

Loh Guat Lan  
Ketua Pegawai Eksekutif

## Objektif Dana

### **DANA HLA VENTURE GROWTH**

Menurut takrif, Dana HLA Venture Growth melabur dalam saham-saham yang memberi pulangan melebihi purata. Namun, saham-saham sedemikian lebih cenderung kepada perubahan kerana syarikat-syarikat ini bergantung kepada ragam pasaran. Untuk mengurangkan ketidakstabilan Dana, pelaburan dalam saham cip biru akan dilaksanakan dengan syarat saham tersebut menunjukkan pertumbuhan, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding lain-lain saham kecil yang berkembang. Dana juga akan melabur dalam saham terpilih bagi mengambil kesempatan daripada situasi tertentu seperti penstrukturan korporat, penggabungan dan pengambilalihan. Objektif utama Dana adalah menyediakan para pelabur dengan peluang untuk mendapatkan pertumbuhan modal yang menarik pada tahap risiko yang boleh dikendalikan bagi jangka sederhana hingga panjang dengan melabur di syarikat-syarikat yang berpotensi untuk peningkatan perolehan yang melebihi purata.

### **DANA HLA VENTURE BLUE CHIP**

Dana HLA Venture Blue Chip akan fokus dalam saham-saham 'cip biru' dengan potensi pulangan modal dan hasil dividen yang baik secara munasabah, terutamanya saham-saham komponen utama Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI). Lumrahnya, Dana mempunyai risiko yang lebih rendah daripada Dana Growth; risiko/ketidakstabilan Dana akan setanding dengan KLCI. Walaupun Dana dijangka mengatasi prestasi KLCI, namun potensi pulangan dijangka tidak akan melebihi pulangan Dana Growth. Dana ini sesuai untuk para pelabur yang ingin mendapatkan prestasi ekuiti yang sederhana sementara mengambil risiko ekuiti yang juga sederhana.

### **HLA VENTURE DANA PUTRA**

Objektif HLA Venture Dana Putra adalah untuk mencapai pertumbuhan modal bagi jangka sederhana hingga panjang dengan hanya melabur menurut prinsip-prinsip Syariah.

### **DANA HLA VENTURE INCOME**

Dana HLA Venture Income hanya melabur dalam sekuriti pendapatan tetap seperti kertas hutang yang diterbitkan atau dijamin kerajaan, Sekuriti Hutang Swasta ("PDS") dan instrumen pasaran wang termasuklah simpanan tetap ("FD"). Objektif Dana adalah untuk memberikan pemegang polisi pulangan yang sebanding dengan kadar faedah semasa tetapi risiko yang ternyata lebih rendah berbanding risiko pelaburan ekuiti. Maka, dana ini akan melabur sebahagian besarnya dalam instrumen pasaran wang yang berjangka pendek hingga sederhana. Dana akan dilaburkan secara sepenuhnya untuk memberikan para pelabur pendedahan maksimum dalam sekuriti pendapatan tetap.

## Objektif Dana

### **DANA HLA VENTURE MANAGED**

Dana HLA Venture Managed bertujuan untuk menyediakan para pelabur prospek kenaikan modal jangka panjang dengan melabur dalam pelbagai instrumen pasaran modal termasuk ekuiti, sekuriti kerajaan, sekuriti hutang swasta, instrumen pasaran wang serta aset luar negara dan terbitan-terbitan asing. Dana ini sesuai bagi para pelabur yang sanggup mengambil risiko sederhana kerana pelaburan adalah kebanyakannya dalam instrumen pendapatan tetap sementara pendedahan ekuiti adalah terhad sehingga maksimum 50%.

### **DANA HLA VENTURE GLOBAL**

Dana HLA Venture Global melabur dengan, tetapi tidak terhad kepada HLG Global Resource Income Fund, HLG Asia-Pacific Dividen Fund dan HLG Strategic Fund yang menggunakan ekuiti, pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang sebagai aset dasar mereka.

### **DANA HLA VENTURE FLEXI**

Objektif Dana HLA Venture Flexi adalah untuk menyediakan para pelabur peluang untuk menikmati kenaikan modal jangka sederhana hingga panjang daripada sektor semasa dan tema pelaburan di pasaran ekuiti Malaysia.

### **DANA-DANA HLA EVERGREEN**

Dana ini dirangka untuk memberikan para pelabur perlindungan modal dan keuntungan yang lebih baik melalui pelaburan yang sistematik dalam strategi jual beli pelbagai aset secara global jangka panjang dan pendek (ekuiti, mata wang, faedah, komoditi, hartanah, strategi dana lindung nilai). Strategi utama pelaburan dilaksanakan melalui kaedah pengoptimuman portfolio. Dana adalah dana terbuka dengan tarikh matang yang ditetapkan. Pelaksanaan pelaburan dicapai melalui Instrumen Deposit Boleh Niaga Kadar Terapung ("FRNID") yang diterbitkan oleh CIMB Bank Berhad.

### **DANA HLA CASH**

Dana ini bertujuan untuk memberikan perlindungan prinsipal yang tinggi dan pulangan yang tetap dan berterusan kepada para pelabur dengan melabur dalam instrumen pasaran wang. Pulangan adalah sebanding dengan kadar dasar semalaman semasa tetapi dengan risiko yang ternyata lebih rendah daripada risiko pelaburan ekuiti.

## Objektif Dana

### DANA HLA SECURE

Strategi ini adalah untuk menyediakan para pelabur akses terhadap portfolio pelaburan yang pelbagai dengan campuran ekuiti dan instrumen pendapatan tetap. Dana akan melabur terutamanya dalam instrumen pendapatan tetap seperti bon, instrumen pasaran wang, repo dan deposit dengan institusi kewangan yang menyediakan pendapatan tetap serta dalam saham berdividen tinggi untuk meningkatkan pulangan dana. Keputusan peruntukan aset antara instrumen pendapatan tetap dan ekuiti diputuskan selepas mempertimbangkan prospek pendapatan tetap dan pasaran ekuiti dalam ufuk jangka sederhana hingga jangka panjang. Pada peringkat awal, dana akan melabur dengan diperantara ke dalam Hwang Select Income Fund, yang diuruskan oleh Hwang Investment Management Berhad, dengan pilihan untuk meningkatkan bilangan dana atau menggantikan Hwang Select Income Fund dengan dana-dana lain pada masa hadapan.

### DANA HONG LEONG SMART GROWTH

Objektif utama dana ini adalah untuk menyediakan pelabur dengan pertumbuhan modal jangka panjang. Dana ketika ini diperantara ke dalam Kenanga Growth Fund yang melabur dalam portfolio pelbagai ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti syarikat di Malaysia, yang mempunyai model perniagaan yang mampan yang diniagakan pada diskaun kepada nilai intrinsiknya.

### HLA DANA SURIA

HLA Dana Suria menyediakan para pelabur akses yang mampu milik kepada portfolio pelaburan yang pelbagai yang menawarkan pulangan yang tetap dan berterusan sepanjang ufuk pelaburan jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti tempatan dan global dan sekuriti berpendapatan tetap yang mematuhi keperluan Syariah.

Dana akan melabur dengan diperantara ke dalam Hong Leong Dana Maa'rof (diuruskan oleh Hong Leong Asset Management) dan HLA Venture Dana Putra dengan pilihan untuk menambah bilangan dana atau menggantikan dana pada masa hadapan.

Hong Leong Dana Maa'rof akan melabur minimum 40% dan maksimum 60% daripada Nilai Aset Bersihnya ("NAB") dalam ekuiti patuh Syariah manakala HLA Venture Dana Putra akan melabur sehingga maksimum 90%, tetapi tidak kurang daripada 40% daripada NAB Dana dalam ekuiti.


### DANA HLA VALUE

Dana HLA Value memberi pelabur akses mampu milik ke pelbagai portfolio pelaburan yang bermatlamat untuk mencapai peratus keuntungan yang tinggi dengan pelaburan di syarikat-syarikat yang mempunyai pengurusan yang baik serta keadaan kewangan yang stabil tetapi sahamnya dijual pada harga yang hampir dengan nilai ketara bersih syarikat atau pada diskaun yang tinggi.

## Ulasan Pelaburan

### Pasaran Ekuiti

Indeks Komposit FBM Kuala Lumpur (1 Julai 2015 – 30 Jun 2016)



Source: Bloomberg

Bagi tempoh di bawah semakan, pergerakan pasaran ekuiti global ditentukan oleh dasar kewangan bank-bank pusat yang mencapah walaupun tumpuan masih kekal pada arah kadar Rizab Persekutuan ("Fed"). Memburukkan lagi isu ini adalah perang mata wang yang dicetuskan oleh penurunan nilai Yuan China ("CNY"), manakala angka data ekonomi menunjukkan bahawa pemulihan ekonomi adalah tidak sekata. Akhir sekali, keputusan Brexit yang di luar jangkaan membuatkan pasaran menjadi lebih tidak menentu dan bagi Malaysia khususnya, keputusan korporat terus mengecewakan.

Oleh itu, FBMKLCI mengakhiri tempoh di bawah semakan dengan nada yang negatif, ditutup pada 1,654 mata, penurunan sebanyak 3.1% iaitu pulangan negatif untuk tahun kedua berturut-turut. Walau bagaimanapun, bagi tahun kewangan ini, FBMKLCI mencapai prestasi lebih baik berbanding pasaran serantau lain seperti Hong Kong, Jepun dan Singapura bersandarkan tindakan kita yang lebih berhati-hati apabila pelabur menjadi lebih cenderung untuk mengelak risiko.



# Ulasan Pelaburan

## Pasaran Ekuiti (Samb.)

Pasaran ekuiti memulakan tempoh di bawah semakan dalam keadaan yang sukar, berhadapan banyak peristiwa luaran yang tidak dijangka. Sentimen pelabur mula menerima kesan pertama apabila Greece menjadi negara maju yang pertama mungkir pembayaran hutang Tabung Kewangan Antarabangsa ("IMF"). Pengumuman data ekonomi yang teruk daripada jangkakan dari China dan zon Euro, penurunan nilai Yuan secara mengejut serta laporan Goldman Sachs Group yang mencadangkan bahawa harga minyak mentah boleh jatuh kepada paras serendah AS\$20/tong berikutan dengan lebih bekalan global tidak dapat membantu sentimen yang telah lemah. Selaras dengan itu, FBMKLCI menjunam ke paras 1,532 mata pada bulan Ogos 2015.

Mujurlah, sentimen pelabur bertambah baik pada suku kedua tempoh kewangan berikutan jangkakan bahawa Fed akan menanggukkan kenaikan kadar faedah manakala Bank Pusat Eropah ("ECB") meneruskan program pelonggaran kuantitatifnya. Fed akhirnya menaikkan kadar pada pertengahan Disember 2015 bersandarkan pemulihan ekonomi AS namun kesan yang diterima adalah agak meredam. Ini kerana kenaikan sudah dijangkakan oleh pasaran. Di pasaran tempatan, walaupun pembentangan Bajet 2016 gagal merangsang pasaran tempatan, sentimen pelabur memulih berikutan berita 1MDB menjual aset tenaganya kepada China General Nuclear Power Corp, melenyapkan beberapa kebimbangan yang telah timbul sejak isu 1MDB muncul.

Melangkah ke suku ketiga tempoh kewangan, pasaran baru muncul menikmati aliran masuk asing yang kukuh berikutan mod risiko yang didorong oleh kenyataan dovish yang dibuat oleh Pengerusi Fed Janet Yellen, membayangkan bahawa proses penormalan kadar faedah akan menjurus kepada kenaikan yang lebih beransur-ansur. Era kadar faedah yang rendah dan bekalan monetari yang tinggi ini juga dicetuskan oleh pelonggaran agresif ECB dengan kadar negatif lebih mendalam serta Bank of Japan ("BOJ") mengumumkan kadar faedah sebanyak -0.1% ke atas rizab berlebihan institusi kewangan yang dipegang di BOJ. Sementara itu, penggubal dasar di China mengulangi tumpuan mereka kepada memulihkan keyakinan pasaran di samping membendung aliran keluar yang turut memberi jaminan kepada pasaran ekuiti global.

Menjelang suku keempat tempoh kewangan, terdapat pencapahan di antara pasaran maju dan pasaran baru muncul. Walau pun pasaran maju seperti Amerika Syarikat ("AS") memperlihatkan kenaikan atas jangkakan data ekonomi yang bertambah baik, pasaran baru muncul berprestasi buruk berikutan kebimbangan terhadap kelembapan berterusan dalam ekonomi China. Sentimen global bertambah buruk apabila United Kingdom ("UK") tidak disangka-sangka mengundi menyokong meninggalkan Kesatuan Eropah ("EU"). Walau bagaimanapun, Malaysia dilihat sebagai kurang terjejas oleh Brexit dan akibatnya Malaysia meraih manfaat daripada aliran masuk asing, yang membawa kepada kenaikan pada FBMKLCI.

# Ulasan Pelaburan

## Pasaran Pendapatan Tetap

Pasaran pendapatan tetap pada tahun kewangan semasa semakan bergerak amat seiring dengan pasaran ekuiti dari segi turun naik dan prestasi. Pasaran bon domestik bermula dalam tahun kewangan pada nada lemah, bertentangan dengan pasaran Perbendaharaan Amerika Syarikat ("UST") kerana sentimen menghindari risiko mendominasi pasaran tempatan. Permintaan bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") adalah lemah apabila pelabur mencari aset selamat sebagai tindak balas kepada China kejutan penurunan nilai Yuan. Tekanan jualan berterusan dengan pelemahan Ringgit Malaysia ("MYR") yang mendadak manakala ketidaktentuan politik tempatan serta kejatuhan harga minyak melemahkan lagi sentimen.

Berikutan penjualan tersebut, kadar hasil MGS meningkat manakala pegangan asing menurun secara berterusan selama tiga bulan kepada 45.6% daripada 48.5% pada 30 Jun 2016. Suku ini juga menyaksikan USD/MYR meningkat kepada paras melebihi 4.45 sebelum menetap pada 4.39 pada akhir bulan September. Sentimen menghindari risiko juga menular ke pasaran bon korporat, yang menyaksikan keluk hasil beralih ke atas semua tempoh.

Melangkah ke suku kedua, hasil MGS mula berbalik apabila sentimen bertukar menggalakkan terhadap aset MYR berikutan perkembangan positif tentang 1MDB, data ekonomi yang lebih baik dan rancangan China untuk melabur CNY50 bilion dalam bon tempatan dan pasaran ekuiti. Selain itu, langkah-langkah pelonggaran dasar monetari oleh bank-bank pusat serantau juga merangsang minat pembelian di kalangan pelabur asing. Walau bagaimanapun, pasaran kekal tidak menentu disebabkan oleh turun naik harga minyak, jangkaan kenaikan kadar faedah Fed serta peningkatan risiko geopolitik.

Sementara itu, MGS terus berhimpun pada suku ketiga tahun kewangan apabila Bank Negara Malaysia ("BNM") mengumumkan penurunan 50 mata asas Keperluan Rizab Berkanun yang mendorong pembelian baru. Selanjutnya, semakan Bajet 2016 disertakan dengan sentimen yang dovish oleh Fed serta pemulihan yang sederhana bagi harga minyak pada sekitar paras USD40/bbl juga membantu mengukuhkan permintaan. Dengan ini, jumlah aliran masuk mencecah RM11.5bn pada akhir bulan Mac 2016, yang tertinggi sejak Mei 2014. Oleh itu, tahap pemilikan asing bagi MGS adalah pada 48.7% dari segi jumlah tertunggak manakala Kertas Islam Berdaulat adalah pada 7.0%. Berikutan perhimpunan di MGS, permintaan juga menular kepada Bon Korporat, terutamanya didominasi oleh terbitan-terbitan Jaminan Kerajaan ("GG") dan bertaraf AAA. Malah, terdapat minat belian saham murah terpilih sejak spread kredit menjadi lebih menarik dengan kejatuhan mendadak hasil MGS.

Pasaran bon terus kekal tidak menentu pada suku terakhir tahun kewangan disebabkan pengukuhan USD terhadap MYR di samping kebarangkalian yang lebih tinggi daripada kenaikan kadar yang lebih cepat daripada yang dijangkakan oleh Fed, telah memulakan jualan besar-besaran lagi. Walau bagaimanapun, pasaran pendapatan tetap pulih disebabkan oleh penurunan kadar yang tidak dijangka oleh Bank of Korea, yang mencetuskan pengagihan semula dana ke negara-negara Asia yang lain. Sekali lagi, hasil diterbalikkan sebagai referendum EU di UK semakin hampir apabila kebimbangan Brexit meningkat manakala MYR yang lebih lemah dan berundur harga minyak merangsang belian asing. Dengan itu, pasaran pendapatan tetap berakhir tahun kajian dengan nada yang lebih positif.

## Tinjauan Pelaburan

Melangkah ke hadapan, kami tetap optimis walaupun ketidakpastian baru yang dibawa oleh Brexit, sebagai tambahan kepada kebimbangan yang sedia ada: 1) pertumbuhan global yang tidak berkembang, 2) kelembapan dan risiko kredit di China dan 3) keputusan Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat. Ini kerana dasar dalam ekonomi utama dunia menyedari keperluan untuk melaksanakan dasar-dasar monetari dan fiskal untuk menggalakkan pertumbuhan termasuk memperkenalkan "wang helikopter" ("helicopter money") yang bermaksud pembiayaan bank pusat defisit fiskal yang lebih besar.

Perkembangan makro global akan terus menjadi pengaruh yang besar ke atas arahan dan trend pasaran ekuiti dalam ketiadaan pemangkin tempatan yang ketara. Ini adalah kerana kami menjangka pendapatan korporat Malaysia kekal disenyapkan. Satu peristiwa penting yang perlu diperhatikan adalah Bajet Negara 2017 yang akan dibentangkan pada Oktober 2016. Bajet perlu 'mesra rakyat' di samping pertambahan perbelanjaan pembangunan untuk menyokong pertumbuhan ekonomi makro dalam negeri. Kerajaan juga akan dijangka terus melakukan aktiviti-aktiviti merangsang ekonomi yang boleh memberi kesan positif ke atas pasaran tempatan.

Oleh itu, kami menerima pakai pendirian defensif, melihat apa-apa halangan yang besar sebagai satu peluang untuk meletakkan portfolio kami untuk jangka masa panjang. Kami lebih meminati saham yang menghasilkan dividen yang lebih tinggi seperti Amanah Pelaburan Hartanah ("REITS") dan saham-saham konsumer semasa naik turun dalam pasaran kini, persekitaran kadar faedah yang rendah dan pertumbuhan global yang perlahan. Walau bagaimanapun, berdasarkan perbelanjaan pembangunan yang pesat, kami juga bercadang untuk menambah lebih banyak saham dalam sektor syarikat pembinaan kerana sektor ini juga akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek-projek infrastruktur utama seperti MRT2, penyambungan LRT, DASH dan SUKE.

Bagi tinjauan Pendapatan tetap pula, dengan peristiwa-peristiwa politik dan ekonomi baru-baru ini, kami menjangka bahawa keadaan mencabar akan berterusan kerana angka data adalah faktor utama yang mempengaruhi hala tuju pasaran. Prospek ekonomi global kini menjadi semakin suram apabila trend pertumbuhan yang perlahan semakin nyata malah di negara-negara yang kukuh seperti AS. Tambahan pula, ketidakpastian yang disebabkan oleh Brexit juga akan menjejaskan produktiviti dan pertumbuhan EU yang mungkin mempunyai kesan terus-menerus di negara lain di dunia selain daripada risiko politik perpecahan Kesatuan Eropah. Dengan latar belakang ini, pilihan raya presiden Amerika Syarikat pada November ditambah pula dengan dasar kewangan yang akomodatif di seluruh dunia akan mengehend peningkatkan kadar hasil UST walaupun kenaikan kadar Fed yang tidak dijangka boleh menjejaskan semua ini.

Walaupun bagaimanapun, kami masih optimis pada pasaran pendapatan tetap walaupun wujud ketidakpastian dan kemungkinan turun naik kerana ini boleh mewujudkan peluang pelaburan sekiranya mod umum menghindari risiko lenyap. Lebih-lebih lagi, dengan hasil negatif ditawarkan di beberapa negara maju, kami menjangka penempatan semula dana di pasaran baru muncul apabila pelabur mencari pulangan yang lebih tinggi. Dari segi strategi pelaburan, dana akan bersedia untuk mengambil kesempatan daripada apa-apa pergerakan harga yang tidak rasional. Kami juga akan memberi tumpuan kepada penerbitan primer sambil meneroka peluang dagangan dalam bon asing bagi peningkatan hasil.

# Prestasi Dana Sebanding


## DANA HLA VENTURE GROWTH

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, penanda aras FBMKLCI mencatatkan kerugian sebanyak 3.08%. Penurunan penanda aras didorong oleh prestasi lemah saham berwajaran tinggi iaitu SapuraKencana Petroleum, CIMB dan Axiata. Pasaran terus dicabar oleh faktor-faktor makro luaran (dasar kewangan AS dan kesannya terhadap USD, ekonomi China dan harga minyak) dan kekurangan pemacu mikro dalam negeri yang teguh (eksport yang lemah, sentimen pengguna yang lembap dan ringgit yang lemah).

Bagi Dana, prestasi adalah di bawah penanda aras dengan penurunan sebanyak 5.19% dalam NAB disebabkan oleh penurunan yang lebih besar dalam harga pertumbuhan dan saham bermodal sederhana yang merupakan tulang belakang dana, sejajar dengan mandat dana. Saham asing terdiri daripada kira-kira 6% daripada Dana, dilaburkan di Hong Kong dan Singapura. Dari segi peruntukan aset, Dana mengurangkan pegangan ekuiti kepada 71.90% daripada 86.24% pada tahun sebelumnya memandangkan ketidakpastian telah meningkat di pasaran global. Melangkah ke hadapan, kami terus mencari syarikat-syarikat yang mempunyai pertumbuhan tinggi yang berkualiti terutamanya ketika persekitaran pertumbuhan pendapatan yang melemah ini. Kami juga akan melapisi pelaburan tersebut dengan saham hasil dividen memandangkan persekitaran kadar faedah yang rendah. Dengan pasaran global pada paras yang tinggi, pembetulan pertumbuhan risiko kebimbangan dan kejutan susulan Brexit boleh meningkat. Walau bagaimanapun pembetulan pasaran akan menjadi satu peluang yang baik untuk mengumpul saham terpilih dengan hasil dividen yang baik.

**Pada 30 Jun 2016**

**Perubahan harga, pengiraan diindekskan**



## Prestasi Dana Sebanding

### DANA HLA VENTURE GROWTH

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Jumlah NAB (RM'000)	344,180	353,943	376,725	343,365	282,049
Bilangan unit ('000)	177,558	173,160	170,081	166,636	155,975
NAB seunit (RM)	1.938	2.044	2.215	2.061	1.808
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.071	2.265	2.227	2.140	1.855
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.777	1.950	1.967	1.809	1.519
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	-5.19%	-7.72%	7.47%	13.99%	-2.22%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	-5.19%	-7.72%	7.47%	13.99%	-2.22%
- 3 tahun	-2.11%	4.31%	6.56%	10.55%	12.14%
- 5 tahun	0.94%	6.11%	13.43%	9.77%	2.99%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (FBMKLCI)					
- 1 tahun	-3.08%	-9.35%	6.16%	10.91%	1.27%
- 3 tahun	-2.25%	2.24%	6.41%	11.66%	16.24%
- 5 tahun	0.95%	5.98%	15.02%	9.89%	3.61%

<b>Kategori pelaburan</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Ekuiti disebut harga	71.27	85.73	87.17	86.42	74.88
Unit amanah dan amanah pelaburan hartanah ("REIT") disebut harga	0.63	0.51	0.44	3.65	0.80
Aset-aset derivatif	0.06	0.13	0.10	0.02	-
Tunai dan setara tunai	27.61	13.45	13.52	9.98	23.87
Lain-lain	0.43	0.18	(1.23)	(0.07)	0.45
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

## Prestasi Dana Sebanding

### DANA HLA VENTURE GROWTH

<b>Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor</b>					
	Wajaran %				
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Pembinaan	14.10	8.05	7.65	8.35	8.89
Produk pengguna	4.38	5.75	6.24	4.21	3.88
Kewangan	17.19	17.33	16.34	18.64	14.02
Produk industri	7.33	6.32	10.23	5.11	8.75
Infrastruktur	2.18	0.59	0.49	1.77	2.49
Perkilangan	-	4.06	-	-	-
Perladangan	9.50	10.87	12.70	12.65	13.47
Hartanah	5.51	8.18	9.43	13.09	5.47
Teknologi	1.08	3.33	-	-	2.21
Perdagangan/perkhidmatan	38.73	35.52	36.72	36.18	40.68
Warran	-	-	0.20	-	0.14
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding


## DANA HLA VENTURE BLUE CHIP

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana mencatatkan penurunan sebanyak 5.46%, di bawah prestasi penanda aras FBMKLCI yang mengalami penurunan sebanyak 3.08%. Prestasi yang rendah ini terutamanya disebabkan oleh prestasi lemah saham berwajaran tinggi Globetronics yang merupakan saham teras dan kukuh bagi Dana sebelum ini, yang merosot disebabkan perolehan yang lemah berikutan pesanan lebih perlahan untuk sensor berdekatan akibat pelarasan inventori oleh Apple. Sektor utama seperti telekomunikasi dan syarikat perladangan terus menghadapi risiko perolehan daripada persaingan sengit dan hasil yang rendah. Di kalangan saham komponen KLCI, kekecewaan yang ketara pada musim keputusan baru-baru ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh CIMB, Maybank, Axiata dan Digi, Sime Darby dan UMW.

Dari segi peruntukan aset, Dana mengurangkan pegangan ekuiti kepada 76.35% daripada 90.97% pada tahun sebelumnya memandangkan ketidaktentuan dalam pasaran global. Berikutan cabaran daripada kenaikan kadar faedah AS, Brexit dan 1MDB, ditambah pula dengan prospek pertumbuhan yang tidak memberangsangkan, kami terus menyokong strategi ekuiti defensif pada masa hadapan. Dari segi strategi pelaburan, tumpuan tetap akan diberi kepada saham bermodal besar, dengan kunci kira-kira yang kukuh dan kepastian perolehan yang kritikal memandangkan pertumbuhan dalam negeri yang perlahan dan pendapatan korporat yang lemah.

**Pada 30 Jun 2016**

**Perubahan harga, pengiraan diindekskan**



## Prestasi Dana Sebanding

### DANA HLA VENTURE BLUE CHIP

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Jumlah NAB (RM'000)	172,834	178,519	189,851	152,767	124,652
Bilangan unit ('000)	77,936	76,095	76,931	71,314	67,610
NAB seunit (RM)	2.218	2.346	2.468	2.142	1.844
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.372	2.558	2.479	2.190	1.848
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	2.098	2.195	2.081	1.844	1.567
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	-5.46%	-4.94%	15.22%	16.16%	2.84%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	-5.46%	-4.94%	15.22%	16.16%	2.84%
- 3 tahun	1.05%	9.08%	12.52%	14.60%	14.94%
- 5 tahun	4.72%	11.50%	18.77%	12.06%	4.78%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (FBMKLCI)					
- 1 tahun	-3.08%	-9.35%	6.16%	10.91%	1.27%
- 3 tahun	-2.25%	2.24%	6.41%	11.66%	16.24%
- 5 tahun	0.95%	5.98%	15.02%	9.89%	3.61%

<b>Kategori pelaburan</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Ekuiti disebut harga	67.43	83.63	86.85	72.07	69.73
Unit amanah dan amanah ("REIT") disebut harga	8.92	7.34	7.30	9.63	6.58
Aset-aset derivatif	0.02	-	0.02	-	-
Tunai dan setara tunai	24.78	10.60	8.06	19.68	24.81
Lain-lain	(1.15)	(1.57)	(2.23)	(1.38)	(1.12)
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>



## Prestasi Dana Sebanding

### DANA HLA VENTURE BLUE CHIP

<b>Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor</b>					
	Wajaran %				
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Pembinaan	13.48	8.01	6.68	7.21	7.26
Produk pengguna	-	2.52	3.07	2.44	1.54
Kewangan	15.21	13.62	13.18	18.16	19.59
Produk industri	5.22	7.86	10.53	7.26	6.95
Infrastruktur	4.14	2.41	1.99	3.78	4.48
Perladangan	8.97	8.98	9.75	14.22	17.72
Hartanah	6.84	7.82	7.77	5.18	3.78
Teknologi	-	8.57	4.21	2.55	0.87
Perdagangan/perkhidmatan	46.14	40.17	42.72	39.20	37.73
Warran	-	0.04	0.10	-	0.08
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding


## HLA VENTURE DANA PUTRA

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana merosot 4.68% berbanding kerugian 0.87% bagi penanda aras Indeks FBM Emas Syariah. Prestasi yang lebih rendah ini terutamanya datang daripada Globetronics, Prestariang dan saham telekomunikasi (Axiata/DiGi) yang menjejaskan prestasi. Saham minyak dan gas terus tertekan walaupun kestabilan harga minyak telah bertambah baik.

Dari segi peruntukan aset, Dana mengurangkan pegangan ekuiti kepada 70.43% daripada 82.17% pada tahun sebelumnya memandangkan ketidaktentuan telah meningkat di pasaran global. Dari segi strategi pelaburan, Dana akan terus melabur dalam syarikat-syarikat yang menawarkan prospek pertumbuhan perolehan tertentu yang akan mengatasi prestasi pasaran yang lebih luas dalam persekitaran pendapatan yang melemah. Kami juga lebih berminat kepada saham yang menawarkan hasil yang berdaya tahan dalam persekitaran pertumbuhan yang rendah pada masa ini.

**Pada 30 Jun 2016**

**Perubahan harga, pengiraan diindekskan**



## Prestasi Dana Sebanding

### HLA VENTURE DANA PUTRA

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Jumlah NAB (RM'000)	56,643	57,088	60,367	46,510	35,032
Bilangan unit ('000)	24,810	23,832	23,372	20,989	18,755
NAB seunit (RM)	2.283	2.395	2.583	2.216	1.868
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.456	2.640	2.596	2.264	1.911
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	2.196	2.247	2.152	1.840	1.540
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	-4.68%	-7.28%	16.56%	18.63%	-1.79%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	-4.68%	-7.28%	16.56%	18.63%	-1.79%
- 3 tahun	0.88%	9.36%	11.86%	9.86%	8.01%
- 5 tahun	3.97%	8.01%	14.30%	7.75%	1.94%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (FBMEmas Syariah)					
- 1 tahun	-0.87%	-8.80%	8.89%	11.74%	4.62%
- 3 tahun	-0.52%	3.65%	9.10%	13.43%	15.93%
- 5 tahun	3.01%	7.86%	15.96%	8.64%	3.42%

<b>Kategori pelaburan</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Ekuiti disebut harga	70.43	82.17	77.95	83.63	79.23
Tunai dan setara tunai	26.94	17.74	23.97	17.42	20.66
Lain-lain	2.63	0.09	(1.92)	(1.05)	0.11
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

## Prestasi Dana Sebanding

### HLA VENTURE DANA PUTRA

<b>Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor</b>					
	Wajaran %				
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Pembinaan	12.26	13.02	13.24	15.42	17.70
Produk pengguna	12.62	7.96	6.57	4.93	4.53
Kewangan	-	5.64	5.72	6.08	4.99
Produk industri	10.14	10.02	10.92	4.41	8.24
Infrastruktur	-	-	-	1.52	2.35
Perkilangan	1.75	-	-	-	-
Perladangan	16.44	11.62	11.13	10.67	11.47
Hartanah	8.60	6.40	8.71	7.57	6.32
Teknologi	-	11.80	6.12	4.62	5.34
Perdagangan/perkhidmatan	38.19	33.39	37.33	44.71	38.75
Warran	-	0.15	0.26	0.07	0.31
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding


## DANA HLA VENTURE INCOME

Bagi tahun kewangan di bawah semakan, Dana berjaya mencapai pulangan sebanyak 6.01% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 3.25% (Kadar Deposit Tetap Maybank dikompaun 3 bulan). Prestasi cemerlang ini terutamanya disebabkan oleh perdagangan yang aktif dalam pasaran bon asing. Memandangkan pertumbuhan yang lembap di kebanyakan negara maju, bon global rali sekali gus menyediakan peluang dagangan terutama pada separuh kedua tahun kewangan. Pada 30 Jun 2016, 89.10% daripada Dana telah dilaburkan dalam bon di mana 14.32% dalam bon asing dan bakinya dalam Bon Korporat Malaysia.

Melangkah ke hadapan, Dana merancang untuk memberi lebih tumpuan kepada tawaran primer di kedua-dua pasaran tempatan dan luar negara, pada masa yang sama meneroka peluang arbitraj di pasaran yang tidak menentu ini. Walau bagaimanapun, kami perlu mengambil sikap berhati-hati kerana ketidaktentuan kelajuan kenaikan kadar faedah AS boleh menjejaskan sentimen terutamanya dalam persekitaran kadar faedah rendah yang berpanjangan ini.

**Pada 30 Jun 2016**

**Perubahan harga, pengiraan diindekskan**



## Prestasi Dana Sebanding

### DANA HLA VENTURE INCOME

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Jumlah NAB (RM'000)	114,691	102,504	89,139	84,682	69,580
Bilangan unit ('000)	54,673	51,787	47,770	47,352	41,660
NAB seunit (RM)	2.098	1.979	1.866	1.788	1.670
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	2.097	1.980	1.866	1.798	1.672
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.979	1.866	1.782	1.669	1.593
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	6.01%	6.06%	4.36%	7.07%	4.90%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	6.01%	6.06%	4.36%	7.07%	4.90%
- 3 tahun	5.71%	6.13%	5.72%	6.21%	5.75%
- 5 tahun	6.35%	6.26%	6.20%	6.06%	4.58%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (3-Bln Simpanan Tetap)					
- 1 tahun	3.25%	3.26%	3.10%	3.08%	3.07%
- 3 tahun	3.31%	3.25%	3.18%	2.94%	2.62%
- 5 tahun	3.36%	3.17%	2.92%	2.89%	2.93%

<b>Kategori pelaburan</b>					
	Wajaran %				
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Kertas Cagamas	-	-	4.99	3.63	4.47
Sekuriti hutang disebut harga	-	-	3.23	14.50	26.26
Sekuriti hutang tidak disebut harga	89.10	88.02	85.42	62.58	67.22
Aset-aset derivatif	0.51	-	-	-	0.02
Tunai dan setara tunai	10.33	15.54	4.66	19.77	2.87
Lain-lain	0.06	(3.56)	1.70	(0.48)	(0.84)
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding

## DANA HLA VENTURE MANAGED


Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, Dana meningkat sebanyak 0.89%, mengatasi prestasi indeks penanda aras (50% daripada kadar Deposit Tetap Maybank dikompaun 3 bulan + 50% FBMKLCI) yang merosot -0.80%. Penanda aras diseret turun oleh FBMKLCI yang merosot sebanyak 3.08%. Oleh sebab ini adalah Dana risiko sederhana, Pengurus mengurangkan wajaran ekuiti pada tahun kewangan ini kepada 35.50% untuk mengehendkan risiko penurunan.

Sementara itu, pada akhir tempoh tahun kewangan, 46.35% daripada Dana telah dilaburkan dalam pendapatan tetap terutamanya bon korporat tertentu yang menawarkan hasil yang lebih baik yang menambah pendapatan yang stabil kepada Dana. Pengurus juga berdagang dalam MGS dan bon asing apabila terdapat mana-mana peluang arbitraj untuk meningkatkan prestasi.

Melangkah ke hadapan, kami mungkin mengekalkan tahap peruntukan aset semasa dan juga berkemungkinan meningkatkan wajaran pendapatan tetap kerana kami tidak menjangka ekuiti akan mengatasi prestasi secara ketara pada waktu baki tahun 2016. Sebaliknya kami akan mencari peluang untuk menambah bon korporat berkualiti melalui terbitan primer dan juga dagangan bon asing terutamanya kerana kami menjangkakan peluang arbitraj pada tempoh ketidakpastian kadar ini.

**Pada 30 Jun 2016**

**Perubahan harga, pengiraan diindekskan**



## Prestasi Dana Sebanding

### DANA HLA VENTURE MANAGED

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Jumlah NAB (RM'000)	166,542	144,074	128,066	107,649	79,627
Bilangan unit ('000)	86,803	75,760	65,735	57,873	47,269
NAB seunit (RM)	1.919	1.902	1.948	1.860	1.685
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.955	1.969	1.956	1.886	1.692
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.819	1.836	1.815	1.686	1.513
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	0.89%	-2.36%	4.73%	10.39%	1.26%
Purata pulangan tahunan - 1 tahun	0.89%	-2.36%	4.73%	10.39%	1.26%
- 3 tahun	0.93%	4.27%	5.65%	8.84%	9.05%
- 5 tahun	3.04%	5.87%	9.40%	7.80%	4.42%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (50%FBMKLCI+50%Simpanan Tetap)					
- 1 tahun	-0.80%	-4.80%	4.68%	7.42%	1.79%
- 3 tahun	-0.38%	2.35%	4.82%	7.55%	9.42%
- 5 tahun	1.62%	4.45%	8.84%	6.51%	3.25%

<b>Kategori pelaburan</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Ekuiti disebut harga	33.50	36.46	42.44	42.47	35.61
Unit amanah dan amanah ("REIT") disebut harga	2.02	1.34	1.37	1.19	0.46
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Kertas Cagamas	-	-	2.69	1.91	5.17
Sekuriti hutang disebut harga	-	-	-	4.84	17.65
Sekuriti hutang tidak disebut harga	46.35	49.37	45.09	39.17	32.08
Aset-aset derivatif	0.19	-	-	-	-
Tunai dan setara tunai	17.87	12.12	8.63	10.32	9.26
Lain-lain	0.07	0.71	(0.22)	0.10	(0.23)
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>



## Prestasi Dana Sebanding

### DANA HLA VENTURE MANAGED

<b>Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor</b>					
	Wajaran %				
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Pembinaan	16.43	12.37	12.54	14.47	15.28
Produk pengguna	4.42	5.31	9.25	6.00	3.35
Kewangan	11.59	10.94	9.93	13.87	10.05
Produk industri	5.04	8.82	6.79	4.51	7.44
Infrastruktur	1.33	1.05	0.93	2.42	3.92
Perladangan	5.83	8.02	13.13	13.92	14.58
Hartanah	6.05	9.17	9.85	10.34	7.67
Teknologi	-	6.34	-	-	0.27
Perdagangan/perkhidmatan	49.31	37.98	37.43	34.47	37.36
Warran	-	-	0.15	-	0.08
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding

## DANA HLA VENTURE GLOBAL

### Ringkasan Prestasi Pelaburan

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, NAB Dana merekodkan peningkatan sebanyak 3.91% manakala indeks penanda aras merosot sebanyak 2.68%. Pada akhir Jun 2016, 83% daripada Dana dilaburkan dalam dua dana pendasar dalam nisbah yang sama iaitu; Hong Leong Strategic Fund dan Hong Leong Asia-Pacific Dividend Fund, yang masing-masing mencatatkan pulangan sebanyak 6.15% dan 3.12%.

### Prestasi Aset Rujukan


Dana ini neutral di pasaran tempatan kerana sektor bermodal tinggi iaitu perladangan dan bank masih menghadapi tinjauan makro yang suram. Dalam persekitaran pasaran saham semasa, Dana percaya pemilihan saham adalah kunci kepada prestasi dana. Dana menikmati sektor pembinaan, produk industri dan produk pengguna, serta sedang beralih lebih positif kepada sektor telekomunikasi dan teknologi kerana nilai pasaran telah muncul.

Di pasaran tempatan, pertumbuhan ekonomi dijangka sederhana ke tahap tertentu. Oleh sebab harga minyak stabil dan kebarangkalian kenaikan kadar Fed berkurang, kami berpendapat bahawa MYR mungkin telah berada pada paras terendah. BNM tidak disangka-sangka menurunkan OPR pada bulan Julai 2016 yang membuka kemungkinan penurunan 25 mata asas lagi, walaupun ia akan bergantung kepada data dan dipacu peristiwa tertentu. Kami kekal untuk terus defensif pada pasaran berdaulat kerana ia kelihatan mewah pada penilaian semasa dan bersedia untuk mengambil kesempatan daripada apa-apa jualan besar-besaran. Kami terus melebihi wajar pada kredit dan memegang kedudukan defensif pada masa hadapan.

Dana masih melihat peluang dalam ekuiti Malaysia dan Hong Kong. Dana juga akan terus menerima pakai strategi pemilihan saham bawah-atas dengan keutamaan kepada saham hasil tinggi dan saham bermodal besar yang telah dijual turun.

### Pada 30 Jun 2016

### Perubahan harga, pengiraan diindekskan



## Prestasi Dana Sebanding

### DANA HLA VENTURE GLOBAL

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Jumlah NAB (RM'000)	24,357	21,661	20,391	19,158	15,683
Bilangan unit ('000)	21,301	19,697	18,374	18,388	15,595
NAB seunit (RM)	1.143	1.100	1.110	1.042	1.006
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.154	1.146	1.117	1.091	1.103
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.022	1.059	0.998	0.990	0.939
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	3.91%	-0.90%	6.53%	3.58%	-8.21%
Purata pulangan tahunan					
- 1 tahun	3.91%	-0.90%	6.53%	3.58%	-8.21%
- 3 tahun	3.03%	3.23%	0.52%	3.86%	5.21%
- 5 tahun	0.91%	3.56%	5.51%	0.23%	-0.19%
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (Penanda Aras Komposit)					
- 1 tahun	-2.68%	1.70%	14.02%	9.27%	-4.62%
- 3 tahun	4.28%	8.90%	6.28%	8.65%	9.63%
- 5 tahun	3.52%	9.21%	12.12%	4.07%	0.94%

<b>Kategori pelaburan</b>					
	Wajaran %				
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Unit amanah tidak disebut harga	82.94	91.70	91.50	87.70	79.74
Tunai dan setara tunai	16.83	7.40	7.52	11.32	19.25
Lain-lain	0.23	0.90	0.98	0.98	1.01
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding


## DANA HLA VENTURE FLEXI

Bagi tempoh kewangan di bawah semakan, dana merosot sebanyak 3.92% berbanding dengan penanda aras yang mencatatkan pulangan negatif sebanyak 3.08%. Prestasi Dana yang lebih rendah ini adalah disebabkan oleh pendedahan yang minimum dalam saham berkaitan indeks dan saham pengguna yang pada umumnya berprestasi lebih baik dalam pasaran yang menurun. Pemilihan Dana untuk saham bermodal sederhana yang lebih kecil turut terjejas apabila terdapat penjualan umum dalam keadaan ini berikutan perolehan yang mengecewakan dan aliran keluar asing yang berlaku sepanjang tahun ini. Dari segi peruntukan aset, Dana telah mengurangkan pegangan ekuiti kepada 66.23% daripada 82.63% pada tahun sebelumnya memandangkan ketidaktentuan telah meningkat di pasaran global.

Melangkah ke hadapan, Dana akan mengubah semula kedudukan untuk menjadi lebih defensif kerana saham beta tinggi tidak digemari dalam persekitaran penghindaran risiko ini. Kami terus menjangka pasaran akan menerima pakai strategi defensif dengan tumpuan kepada saham dividen tinggi berkualiti dan saham berkaitan infrastruktur, yang diterajui oleh pelbagai projek berbilion ringgit seperti Lebuhraya Pan Borneo, MRT2 dan LRT3 serta projek-projek hartanah mega TRX dan Bandar Malaysia.

**Pada 30 Jun 2016**

**Perubahan harga, pengiraan diindekskan**



## Prestasi Dana Sebanding

### DANA HLA VENTURE FLEXI

<b>Prestasi dana</b>					
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Jumlah NAB (RM'000)	25,211	21,061	16,222	10,387	5,416
Bilangan unit ('000)	30,253	24,293	17,820	12,889	7,838
NAB seunit (RM)	0.833	0.867	0.910	0.806	0.691
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	0.908	0.936	0.917	0.835	0.698
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	0.784	0.778	0.766	0.686	0.580
Jumlah pulangan tahunan - pertumbuhan modal	-3.92%	-4.73%	12.90%	16.64%	3.29%
Purata pulangan tahunan					
- 1 tahun	-3.92%	-4.73%	12.90%	16.64%	3.29%
- 3 tahun	1.00%	8.44%	11.97%	15.29%	12.55%
- 5 tahun	4.88%	11.38%	16.25%	N/A	N/A
Pretasi indeks penanda aras yang berkaitan (FBMKLCI)					
- 1 tahun	-3.08%	-9.35%	6.16%	10.91%	1.27%
- 3 tahun	-2.25%	2.24%	6.41%	11.66%	16.24%
- 5 tahun	0.95%	5.98%	15.02%	N/A	N/A

<b>Kategori pelaburan</b>					
	<b>Wajaran %</b>				
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Ekuiti disebut harga	63.79	80.96	85.12	71.58	67.63
Unit amanah and REITs disebut harga	2.44	1.67	1.98	5.54	5.80
Tunai dan setara tunai	33.77	14.69	14.71	22.29	26.99
Lain-lain	-	2.69	(1.81)	0.59	(0.42)
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

## Prestasi Dana Sebanding

### DANA HLA VENTURE FLEXI

<b>Komposisi equiti disebut harga mengikut sektor</b>					
	Wajaran %				
	<b>2016</b>	<b>2015</b>	<b>2014</b>	<b>2013</b>	<b>2012</b>
Pembinaan	15.67	12.93	9.82	13.16	7.93
Produk pengguna	11.39	11.41	11.82	8.93	3.65
Kewangan	15.66	9.60	9.85	16.65	6.20
Produk industri	10.19	16.01	13.11	4.69	4.62
Infrastruktur	-	-	-	1.51	3.36
Perkilangan	1.39	-	-	-	-
Perladangan	4.20	2.60	12.78	8.78	8.98
Hartanah	5.37	10.51	9.55	15.55	8.12
Teknologi	-	8.38	-	-	-
Perdagangan/perkhidmatan	36.13	28.56	33.07	30.73	57.14
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

# Prestasi Dana Sebanding

## DANA-DANA HLA EVERGREEN

### Ringkasan Prestasi Pelaburan

Indeks Max Invest Save 30Y mencatatkan pencapaian yang sederhana dalam tempoh 12 bulan yang lalu. Manakala indeks telah mengekalkan pendedahan yang tinggi terhadap ekuiti, ia juga menerima pakai wajaran yang signifikan terhadap Harta tanah Eropah, Harta tanah Amerika, dan Mata wang. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh keadaan huru-hara wujud di pasaran kewangan, sama ada ekuiti, mata wang atau komoditi, banyak kelas aset mengalami kerugian. Oleh itu, tahap Indeks Max Invest Save 30Y menurun sedikit.

Wajaran Max InvestSave 30Y pada Jun 2015 dan Jun 2016 adalah seperti berikut:

Aset-aset Rujukan	Jun 2016	Jun 2015
Ekuiti Amerika	28.64%	31.62%
Ekuiti Jepun	-5.88%	17.72%
Ekuiti Eropah	-28.64%	31.62%
Ekuiti UK	-28.64%	-2.91%
Ekuiti Pasaran Baru Muncul	11.46%	-2.48%
Ekuiti China	0.00%	12.65%
Indeks Komoditi	17.28%	-10.21%
Hartanah Eropah	28.64%	0.00%
Hartanah Amerika	11.46%	12.65%
Strategi Dana Lindung Nilai	5.73%	-2.50%
Mata Wang	-28.64%	-31.62%

## Prestasi Dana Sebanding

### DANA-DANA HLA EVERGREEN

#### Prestasi Aset Rujukan

Semasa harga Unit Rujukan ("RUP") masih rendah berbanding dengan RUP yang tertinggi dicatatkan dan ini memberikan pelabur peluang yang baik untuk meningkatkan bilangan unit mereka dan untuk mengurangkan wajaran kos purata pelaburan mereka dalam FRNID, di samping mengekalkan tahap terjamin pada tempoh matang dalam tempoh yang tidak menentu ini. Pelabur akan berupaya untuk mendapat pulangan yang lebih tinggi pada tempoh matang kerana pulangan mereka akan dilindungi pada "RUP Tertinggi atau RUP Didorong tertinggi yang pernah dicapai".

Satu perkara yang perlu diperhatikan adalah bahawa Jaminan Maksimum 13Y FRNID (13Y Maximum Assurance FRNID) adalah "tunai terkunci" ("cashlocked") pada 22 Januari 2016. Oleh itu, produk ini tidak lagi mempunyai apa-apa pendedahan kepada Indeks Max Invest Save 30Y. RUP bagi 13Y FRNID kini akan bertindak seakan bon kupon sifar kerana ia akhirnya akan mencapai Tahap Terjamin pada tempoh matang. Tempoh selebihnya (15Y, 18Y, 20Y, 25Y) masih terdedah kepada Indeks Max InvestSave 30Y dan prestasi mereka akan terikat kepada pergerakan Indeks.

